Manhaj Fatwa

Di sisi para ulama

(rujukan buat para-para guru dan orang awam)

Susunan :

Mohammad naim saidi

Asy-syafie

Pelajar ilmu Asy-syarif

Petua Buat Manusia

Dalam Memahami

Hukum Berfatwa

Risalah kecil ini membahaskan tentang adab, hukum dan sifat sebagai mufti dan orang yang meminta fatwa di dalam agama. Kitab ini ialah sebuah kitab yang ringkas dan padat dengan maklumat penting lagi menyeluruh.

Susunan: Mohammad Naim Saidi Asy-syafie (Pelajar Ilmu Asy-syarif)

Muqaddimah

بسم الله الرحمن الرحيم ، الحمد لله رب العالمين ، و الصلاة و السلام على رسوله الكريم المبعوث رحمة للعالمين و أوتي بشريعة المتين الباقية إلى يوم الدين، و علي آله و صحبه أجمعين ، أما بعد:

Sesungguhnya telah masyhur perbahasan ini dikalangan para ulama dan para pelajar syariat, iaitu berkaitan dengan hukum-ahkam dalam berfatwa. Selayaknya tidak perlu lagi saya untuk menulis perkara ini kerana telah mencukupi segala perkara yang telah diperbahaskan. Akan tetapi jika dipandang, masih belum ada lagi kitab-kitab seperti ini yang diterjemahkan ke dalam bahasa Malaysia.

Pada awalnya, saya terfikir untuk menterjemahkan kitab-kitab berkaitan cara berfatwa dan adabnya dari kitab Imam Nawawi dan Imam Suyuthi, akan tetapi ada sebahagian permasalahan yang tidak ada lagi di zaman ini dan jika saya menterjemahkannya, ianya seperti kurang diperlukan pada zaman sekarang ini. Jadi saya hanya menulis risalah ini dan saya mengambil maklumat-maklumat yang penting dan ringkaskan semua kitab-kitab itu di sini. Antara kitab rujukan saya ialah:

- **Adab Fatwa karangan Imam Nawawi Asy-syafie.**

- **Adab Fatwa karangan Ibnu Solah Asy-syafie.**
- **Adab Futya karangan Imam Suyuthi Asy-syafie.**
- **Sina’atul Ifta’ karangan Syiekh Ali Jum’ah Asy-syafie.**

Jika terjadi percanggahan pada maklumat yang ada di dalam kitab ini dengan maklumat pembaca sendiri, maka rujuklah keempat-empat kitab yang telah saya sebutkan. In sya Allah tidak akan terkeluar maklumat yang saya sebutkan dari keempat-empat kitab tersebut.

In sya Allah secara terperincinya akan disebutkan satu persatu secara ringkas kepada pembaca, semoga dengan penulisan ini akan membuatkan kita diterangkan mata hati , memahami ilmu, serta terelak dari fitnah zaman kini.

Kenapa saya menulis risalah ini?

Saya menulis risalah ini kerana saya telah melihat bahawa pada zaman ini kita terlalu bermudah-mudah dalam memberikan pendapat dalam masalah agama dan kita menganggap ianya perkara yang remeh. Perkara ini secara jelasnya ialah sesuatu yang salah. Tapi bagaimanakah cara untuk menegur? Ketika saya memikirkan perkara ini, saya terfikir untuk menulis risalah ini dan mengharapkan ianya akan dibaca oleh para pembaca dengan sifat ingin mengetahui dan apabila sudah mengetahui, saya harap pembaca diberikan taufiq dan hidayah daripada Allah untuk memahami perbahasan ini dan menerimanya.

Sesungguhnya tidak ada lagi perkara yang saya sukai melainkan jika melihat apa yang saya tulis ini akan menjadi manfaat untuk diri saya sendiri ketika di dalam kubur kelak.

Semoga Allah memberikan kita manfaat dengan apa yang tertulis ini. Selawat dan salam saya ucapkan kepada penghulu segala Nabi dan ke atas ahli keluarganya serta para sahabatnya sehingga ke hari kiamat, Amin Ya Robbal Alamin.

Bab Pertama

Bertabarruk Dengan Sirah Rasulullah

Sirah Rasulullah ialah perkara yang merehatkan jiwa kita, sirah Rasulullah wajib dipelajari walaupun secara ringkas, sirah Rasulullah itu ialah bukti cinta kita kepada Nabi kita. Oleh itu sangat layaklah untuk kita memulakan urusan kita dengan bertabarruk dengan Nabi kita Muhammad bin Abdullah.

Nama Nabi kita: namanya Muhammad bin Abdullah bin Abdul Muttalib bin Hasyim bin Abdu Manaf bin Qusay bin Kilab bin Murroh bin Ka ‘ab bin Luaiy bin Gholib bin Fihr bin Malik bin Nadr bin Kinanah bin Khuzaimah bin Mudrikah bin Ilyas bin Mudhor bin Nizar bin Ma ‘ad bin ‘Adnan bin Ismail bin Ibrahim alaihissalam.

Ada juga pendapat ulama mengatakan nabi Ismail alaihissalam ialah datuk Adnan yang ke enam. Adapun juga pendapat yang paling masyhur ialah sehingga Adnan sahaja.

Ada sebahagian ulama menyambungkan nasab Baginda sehingga ke Adam alaihissalam, akan tetapi ada banyak percanggahan dan memadailah bagi kita untuk mengetahui sehingga ini sahaja.

Ringkasan sirah Nabi: Baginda dilahirkan pada hari Isnin 12 Rabiulawal bersamaan 20 April 571 Masihi dan disambut oleh

bidan yang bernama Syifa'. kemudian disusukan oleh Halimah sehingga umurnya 4 tahun dan dikembalikan kepada ibunya. Baginda dijaga oleh ibunya sehingga ibunya meninggal yang pada waktu itu umurnya 6 tahun. Selepas itu, Baginda dijaga oleh datuknya sehingga datuknya meninggal dunia pada umurnya 8 tahun yang kemudiannya dijaga oleh bapa saudaranya iaitu Abu Talib.

Pada ketika umurnya 8 tahun, Baginda dididik untuk mengembala kambing dan pada umurnya 12 tahun Baginda dibawa oleh Abu Talib untuk berniaga di luar negeri. Pada ketika umur Baginda 20 tahun, Baginda menyertai peperangan yang dinamakan peperangan Fujjar. Pada ketika umurnya 25 tahun, Baginda berkahwin dengan Sayyidah Khadijah yang pada waktu itu Sayyidah Khadijah berumur 40 tahun. Selepas berkahwin, Baginda berniaga dengan barang Sayyidah Khadijah.

Pada ketika umur baginda 40 tahun, Baginda diberikan wahyu daripada Allah melalui perantaraan Jibril a.s yang datang dan memberitahunya dengan mengatakan "kamulah adalah Rasulullah". Selepas diberikan wahyu, Baginda berdakwah selama 13 tahun di Mekah dan pada ketika umurnya 53 tahun, Baginda berhijrah ke Madinah dah berdakwah di sana sehingga umurnya 63 tahun. Itulah pengakhiran hayat Baginda di dunia

dan kembali kepada Allah pada hari Isnin 12 Rabiulawal tahun ke 11 Hijrah yang bersamaan 8 jun 633 Masihi.

Sampai disini selesailah ringkasan tentang sirah Rasulullah tercinta, adapun jika ingin mengetahui kisah Baginda secara terperinci maka bolehlah membaca kitab saya yang berjudul ***"Fathul Mubin Fi Sirati Sayyidil Mursalin"***. Bagi saya ianya sebuah kitab yang sangat ringkas dalam maklumatnya akan tetapi menyeluruh. Wa Allahu A'lam.

Bab Kedua

Makna fatwa, mufti dan peminta fatwa (mustafti)

Makna mufti:

Mufti ialah seorang yang Faqih (seorang yang memahami ilmu agama) yang menjelaskan hukum-ahkam kepada orang awam.

Sesiapa sahaja yang mencukupi syarat seorang mufti maka beliau ialah mufti. Tidak kira sama ada beliau mufti kerajaan negeri atau tidak. Segala syarat-syarat dan sifat-sifat mufti in sya Allah kita akan sebutkan di dalam bab yang keempat.

Permasalahan: jika seorang pelajar agama seperti pelajar pondok misalnya dan beliau tidak bertauliah, adakah beliau diizinkan untuk berfatwa? Jawapannya boleh, dengan syarat beliau menukilkan semua fatwa-fatwanya itu dari kitab-kitab muktabar dan dalam masalah-masalah yang disepakati ulama. Akan tetapi majlis agama di neara Malaysia telah menetapkan bahawa sesiapa yang ingin mengajarkan agama mestilah memohon tauliah terlebih dahulu, jadi wajiblah kita menyahur seruan ini dengan mengambil tauliah.

Tambahan: ulama membezakan diantara faqih (orang yang memahami agama), mufti dan qadhi. Perbezaannya ialah:

- Faqih : orang yang memahami agama dan mengetahui dalil-dalil yang terperinci.

- Mufti: seorang yang faqih yang memahami permasalahan umat dan menyelesaikan permasalahan umat akan tetapi fatwanya tidak mewajibkan orang lain untuk melakukannya.
- Qadhi: seorang yang faqih, lebih tinggi martabatnya dari mufti. Segala hukum-hukum yang disebutkan atau diputuskannya diwajibkan semua untuk mengikutinya walaupun keputusannya itu terkeluar dari mazhab yang empat (Hanafi, Maliki, Syafie & Hambali).

Hukum berfatwa: fardu kifayah, iaitu jika ada di sebuah tempat mufti yang lain, maka seorang lagi tidak wajib untuk berfatwa.

Makna peminta fatwa:

Peminta fatwa ialah seorang yang tidak memahami ilmu agama sama ada tidak tahu hukumnya secara berdalil atau tidak.

Hukum meminta fatwa: wajib jika terjadi sesuatu permasalahan yang ia tidak ketahui tentang hukumnya.

Makna fatwa:

Fatwa ialah menjelaskan sesuatu hukum dengan tidak diwajibkan untuk beramal.

Contoh: seorang mufti yang memberikan fatwa tentang sesuatu masalah, tidak wajib bagi orang untuk mengikuti pendapatnya. Akan tetapi perlu difahami, jika di suatu tempat tidak ada orang

lain yang boleh berfatwa maka wajib si peminta fatwa untuk mengikuti pendapat mufti itu tadi.

Tambahan: telah terjadi perbahasan, adakah mufti di Malaysia dianggap sebagai Qadhi atau tidak maka di sini ada permasalahan dari segi bahasa:

1. Jikalau kita mengatakan pangkat mereka seperti Qadhi maka ianya benar kerana mereka dilantik dibawah pemilihan sultan.
2. Jikalau kita mengatakan bahawa pangkat mereka tetap dengan mufti maka ia juga benar kerana mereka hakikatnya dilantik sebagai mufti dan bukan Qadhi. Ini kerana mufti dan qadhi keduanya dilantik oleh sultan, jadi ketika sultan melantik mereka sebagai mufti maka mereka tetap mufti dan bukan qadhi.

Adapun pendapat yang tepat saya tidak mengetahui dan yang dipilih ialah mereka mufti dan bukan qadhi. Andainya pemilihan ini salah maka saya memmohon maaf dan akan mengambil pendapat yang lagi satu.

Bab Ketiga

Hadis-Hadis Dan Kata-Kata Para Ulama Tentang Fatwa

Hadist tentang wajib untuk berfatwa bagi orang yang layak:

Berkata Rasulullah di dalam hadist yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah dan direkodkan oleh Abu Daud di dalam sunannya:

مَنْ سُئِلَ عِلْمًا فَكَتَمَهُ أَلْجَمَهُ اللهُ بِلِجَامٍ مِنْ نَارٍ

Maksudnya: sesiapa yang ditanya tentang ilmu dan ia mengembunyikannya maka Allah akan mengikatnya dengan tali ikatan daripada api neraka.

Maksud menyembunyikan ialah: tidak memberitahu.

Untuk menjelaskan lagi tentang kelayakan seseorang yang layak berfatwa maka lihatlah hadis ini. Ianya diriwayatkan oleh Jabir dan direkodkan oleh Imam Tabrani di dalam kitabnya yang berjudul “Al-Awsath”, Berkata Rasulullah Solla Allahu alaihiwasallam:

لَا يَنْبَغِيْ لِلْعَالِمِ أَنْ يَسْكُتَ عَلَى عِلْمِهِ ، وَ لَا يَنْبَغِيْ لِلْجَاهِلِ أَنْ يَسْكُتَ عَلَى جَهْلِهِ

قَالَ اللهُ تَعَالَى : فَاسْأَلُوْا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُوْنَ.

Maksudnya: tidak sepatutnya bagi seorang yang alim untuk diam dalam keilmuannya dan tidak sepatutnya bagi seorang yang jahil untuk diam dalam kejahilannya. Allah telah berfirman: maka tanyalah kamu Ahli Zikir (ahli ilmu) jika kamu tidak mengetahui.

Di dalam dua hadis yang ringkas ini sudah pasti kita faham bahawa pentingnya orang alim dan fatwanya dalam urusan agama kita. Akan tetapi harus diingati, jika seseorang itu andainya berani untuk berfatwa dan keadaannya kurang keilmuwan, maka seharusnya ia berhati-hati kerana bahaya dan tegahannya amat keras sekali.

Direkodkan oleh Imam Darimi di dalam musnadnya, diriwayatkan oleh U'baidillah bin Ja'far, Rasulullah solla Allahu alaihiwasallam berkata:

أَجْرَؤُكُمْ عَلَى الْفُتْيَا ، أَجْرَؤُكُمْ عَلَى النَّارِ

Maksudnya: beraninya kamu dengan berfatwa, beraninya kamu terhadap api neraka.

Dan direkodkan oleh Abu daud dan Imam Ahmad di dalam kitab mereka sebuah hadis yang telah diriwayatkan oleh Abu Hurairah, Rasulullah solla Allahu alaihiwasallam berkata:

مَنْ أَفْتَى بِغَيْرِ عِلْمٍ كَانَ إِثْمُ ذَلِكَ عَلَى مَنْ أَفْتَاهُ

Maksudnya: barangsiapa yang memberi fatwa tanpa ilmu, maka ia berdosa terhadap sesiapa yang ia memberikan fatwa.

Semoga penerangan ini memberikan kita manfaat dan semoga kita terhindar dari tergolong dalam kalangan mereka yang berani untuk berfatwa tanpa ilmu.

Bab Keempat

Perbahasan Berkaitan Mufti

Tidak semua manusia yang mempelajari ilmu agama layak berfatwa, semuanya memerlukan pengakuan dari ulama pada zamannya. Jika kita melihat di Malaysia, majlis agama menyuruh para-para guru untuk mengambil tauliah. Tauliah itu ialah ibarat keizinan dan lesen bagi kita untuk mengajar agama, dan ketika mengajar agama sudah pasti kita akan berfatwa juga.

Imam Malik berkata: *Aku tidak akan berfatwa sehinggalah aku bertanyakan kepada orang yang lebih alim dari aku.*

Dalam riwayat yang lain Imam Malik Berkata: *aku tidak akan berfatwa sehinggalah 70 orang (ulama) menyaksikan bahawa aku ahli dalam fatwa.*

Dari kata-kata Imam Malik ini, kita pasti akan memahami bahawa tidak semua orang yang mempelajari agama layak berfatwa.

Jadi, untuk meringkaskan maklumat dan menyampaikan maklumat secara langung, saya akan memberitahu syarat-syarat seorang mufti. Sifatnya ialah:

- Mestilah ia orang islam: iaitu bukan orang kafir.
- Mukallaf: iaitu baligh, berakal dan sampai seruan dakwah.

- Berilmu: kerana orang yang tidak berilmu tidak boleh berfatwa, melainkan ia hanya akan merosakkan agama.
- Luarannya wara’: iaitu meninggalkan perkara yang khilaf.
- Thiqah: percakapannya dipercayai dan aman dari bersikap dengan sikap-sikap yang mencela maruah.
- Bukan orang fasiq: iaitu orang yang melakukan perlakuan yang haram.
- Sihat dan betul pemikirannya.
- Bersikap siap sedia: adalah untuk memahami segala perangai orang yang datang meminta fatwa.
- Sah untuk menggunakan harta: iaitu bukan orang yang muflis atau orang yang dihalang dari menggunakan harta seperti kanak-kanak kecil dan orang yang sakit yang sakitnya itu melebihi dari kadar sihatnya.

Maka setelah kita mengetahui ini, akan jelas bahawa tidak semua orang layak untuk berfatwa. Adapun bagitu, syarat-syarat di atas hanyalah permulaan sahaja. Sifat-sifat di atas ialah sifat yang mesti ada pada seorang mufti.

Mufti itu terbahagi kepada dua:

1. Mufti mustaqil: mufti ini juga dipanggil mujtahid mutlaq.
2. Mufti bukan mustaqil: ini dipanggil mujtahid muntasib atau mufti mazhab.

Mufti mustaqil: mereka ialah orang yang mengeluarkan hukum dari empat sumber syariat secara langsung iaitu Al-quran, hadis-hadis, Ijma’ dan qias. Tidak cukup dengan ini, mufti mustaqil juga ialah seorang yang alim dengan segala bentuk-bentuk dalil, cara mengambil dalil, cara penggunaan ilmu usul fiqh, mengetahui ulum Al-quran, mengetahui nasikh dan mansukh, nahu, sorf, balaghah, perbezaan dan persepakatan para ulama, mengetahui segala asal dan cabang-cabang permasalahan ilmu fiqh. Para ulama mengatakan, barangsiapa yang di dalam dirinya ada ciri-ciri ini maka dia ialah mufti mustaqil.

Dipanggil mufti mustaqil yang bermaksud mufti bebas kerana beliau bebas dalam mengeluarkan fatwanya tanpa terikat dengan mana-mana mazhab.

Akan tetapi mufti seperti ini telah pun tiada. Ia telah berakhir sekitar tahun 300 hijrah dan selepas itu sehingga ke hari ini hanya yang ada ialah mufti bukan mustaqil. Kebanyakan ulama, selepas dari tahun 300 hijrah mengikuti imam-imam mazhab yang 7, dan kemudian berkuranglah mazhab-mazhab ini sehingga menjadi 4 sahaja, iaitu mazhab Hanafi, Maliki, Syafie Dan Hambali.

Permasalahan: zaman kini ada sebahagian para-para jahil dari kalangan pelajar-pelajar ilmu dan orang awam mengatakan bahawa mereka mahu mengambil dalil dalam mengistinbatkan

(menetapkan) hukum langsung dari Al-quran dan hadist, maka ketahuilah dengan jelas bahawa mereka ialah orang jahil lagi bersikap kurang ajar dengan agama Allah. Sedangkan para-para ulama dari kurun ketiga hijrah sudah mengikuti mazhab, maka bagaimanakah orang kerdil lagi kurang akal dan ilmu seperti mereka mahu mengambil dalil langsung dari Al-quran dan hadis. Jika kita sudah mengetahui tentang ini, maka berhati-hatilah dari terjatuh dengan percakapan mereka. Sesungguhnya mereka ialah fitnah buat agama islam.

Mufti bukan mustaqil: mereka ialah orang-orang mengikuti mazhab mufti mustaqil. Ulama memecahkan pembahagain mereka kepada empat bahagian:

a. Mujtahid mazhab: mereka ialah orang-orang yang mengikuti jalan imam-imam mazhab, seperti Imam Muzani mengikuti Imam Syafie. Harus difahami bahawa ketika Imam Muzani mengikuti mazhab Imam Syafie, bukanlah bermakna ia bertaqlid buta, akan tetapi kerana ia melihat dan yakin dengan cara dan dalil-dalil yang dikeluarkan oleh Imam Syafie. Lebih mudah kita katakan bahawa, mereka ialah orang yang mengikuti Imam Mazhab dalam cara untuk mengistinbatkan sesuatu hukum. Diantara mereka ialah Imam Muzani, Imam Rabie, Imam Muradi, Imam Abu Yusuf, Ibnu Suraij dan ramai lagi.

b. Ashab wujuh (sahabat-sahabat wajah): dipanggil seperti ini kerana dari mereka pelbagai permasalahan dalam fiqh bertunas dan menjadi banyak. Mereka ini ialah orang-orang yang datang setelah zaman mujtahid mazhab dan mengikuti mazhab dengan berdalil tanpa keluar dari usul dan kaedah imam mazhab. Diantara mereka ialah: Imam Al-ghazali, Imam Juwaini dan ramai lagi.
c. Mujtahid mutabi'/muhaqqiq mazhab: mereka ialah para-para ulama yang tidak mencapai tahap Ashab wujuh akan tetapi mereka memahami ilmu fiqh, menjaga mazhab imamnya, mengetahui dalil-dalil, memilih, merajihkan dan memberikan gambaran dalam permasalahan. Mereka ini mengikuti mazhab dalam qaedah serta usulnya akan tetapi tahap mereka lebih rendah dari Ashab wujuh. Diantara mereka ialah: Imam Syirazi, Imam Rafi'I, Imam Ibnu Solah, Imam Nawawi dan lain-lain lagi.
d. Mujtahid muqallid: mereka ialah para-para ulama yang datang setelah zaman mujtahid mutabi'. Mereka ialah ulama-ulama yang menjaga mazhab imam dengan memahami segala penjelasan dan permasalahan, akan tetapi mereka tidak mencari dalil-dalil lagi. Ini kerana mereka mengambil maklumat dari kitab-kitab yang muktamad dari ulama mazhab.

Jadi para-para mufti itu tidak akan terlepas dari sifat-sifat yang telah kita sebutkan.

Perhatian: ulama-ulama kita telah menjelaskan bahawa segala dalil muktamad dalam mazhab terhenti pada Mujtahid muhaqqiq. Jadi jika terjadi percanggahan diantara dalil Mujtahid muhaqqiq dengan yang sebelumnya maka kita akan mendahului pendapat mujtahid muhaqqiq. Ini kerana mereka telah memilih dalil-dalil yang tepat setelah mereka melihat dalil-dalil dari ashab wujuh. Selesai.

Tatimmah: selepas kita mengetahui tentang ini, maka saya rasa sudah jelas di mata kita bahawa orang yang berfatwa itu tidak boleh baginya untuk keluar dari mazhabnya.

Jika ada permasalahan yang baru muncul di zaman kini seperti permasalahan rokok, dia hendaklah mencari dalil dan menggunakan kaedah dan usul fiqh mazhab. Jika ia melanggar perkara ini maka kebiasaan fatwanya akan bercanggah dengan pendapat yang lain.

Penting: mufti yang berfatwa itu, tidak dibolehkan baginya untuk melanggar fatwa ijma' ulama walaupun pada matanya dalil yang ia miliki itu lebih kuat dari ijma' ulama. Bukanlah kita melebihi pendapat manusia dari hadis nabi, akan tetapi Rasulullah telah berkata*: tidak akan terhimpun umatku dalam kesesatan. (hadis riwayat Ibnu Majah dan Tabrani)*

Dari hadis ini, ulama telah menegaskan bahawa jika dalam sesuatu permasalahan ulama-ulama mazhab telah bersepakat, maka tidak boleh seseorang itu melanggarnya. Fatwa yang

membelakangi ijma’ dipanggil fatwa yang syaz (cela) dan tidak digunakan.

Wa Allahu A’lam.

Bab Kelima
Hukum-Ahkam Dalam Berfatwa Dan Adab-Adabnya

Apa jua di dalam hidup kita, pasti ada adab dan tatacara. Begitu jugalah dengan fatwa, malah tatacara dan adab-adab dalam berfatwa perlu dilebihkan, ini kerana seorang yang berfatwa itu sedang menjadi wakil bagi Allah dalam permasalahan hamba-hambanya. Di antara hukum-hukumnya ialah:

1. Fatwa itu ialah fardu kifayah, jika sudah ada orang yang melakukannya maka kita tidak diwajibkan, akan tetapi jika di sebuah tempat/negeri itu tidak ada orang lain yang boleh berfatwa maka wajib kita memberikan fatwa.
2. Diharamkan untuk bermudah-mudahan dalam berfatwa. Jikalau kita mengetahui bahawa ada orang yang bermudah-mudah dalam berfatwa maka haram kita meminta fatwa daripadanya.
3. Selayaknya si pemberi fatwa tidak memberi fatwa ketika berubah keadaan dirinya, ketika kesibukan hati dan mindanya seperti marah, lapar, dahaga, sedih, gembira, mengantuk, malas, kepanasan, kesejukan, sakit,

menahan diri dari hajat besar atau kecil dan selainnya daripada perkara-perkara yang mengganggu fikiran.

4. Memberi fatwa itu tidak boleh meminta upah, akan tetapi jika ditetapkan gajinya seperti yang terjadi di jabatan mufti di Malaysia maka tidak mengapa.
5. Tidak boleh baginya untuk berfatwa dalam hal sumpah dan ikrar.
6. Tidak boleh baginya untuk berfatwa dengan pendapat yang tidak muktamad dalam mazhabnya.
7. Jika ia telah berfatwa dalam sebuah masalah, dan setelahnya ia mendapati bahawa ada dalil yang lain yang lebih kuat dari dalilnya, maka ia wajib mengubah fatwanya kepada dalil yang baru ini.
8. Seharusnya seseorang itu tidak meringkaskan fatwanya dengan mengatakan “dalam masalah ini ada khilaf” atau “ada dua wajah” atau dua riwayat” atau apa-apa lagi jawapan yang tidak berpenghujung. Ini kerana ketika seseorang meminta fatwa, ini bermakna ia ingin mengetahui apakah hukumnya jika ia melakukan sesuatu perkara itu, adakah halal atau haram? Oleh kerana itu, si mufti mesti memberikan jawapan yang menghilangkan keraguan.

Wa Allahu A’lam.

Bab Keenam

Adab Berfatwa

Diantara adab-adab dalam berfatwa ialah:

1. Mufti mestilah menjawap soalan dengan jelas sehingga si peminta fatwa itu faham.
2. Jika si peminta fatwa kurang faham, maka hendaklah si mufti itu berlembut dengannya dan memahamkan si peminta fatwa dengan hikmah.
3. Disunatkan bagi mufti untuk membacakan fatwanya selepas beliau menulis fatwa itu supaya lebih jelas pada peminta fatwa.
4. Hendaklah mufti menulis jawapannya dengan jelas. Akan tetapi di zaman ini kita sudah tidak perlu kepada tulisan lagi. Ini kerana di zaman ini, kita menggunakan teknologi seperti komputer.
5. Memulakan jawapan tulisan fatwa dengan bismillah.
6. Memulakan dengan membaca isti'azah.
7. Membaca hamdalah.
8. Berdoa supaya dimudahkan urusannya.
9. Mengakhiri tulisan fatwanya dengan mengucap/menulis "*wa Allahu a'lam*", "*wabillahi taufiq*" atau *wa Allahu A'lam bissowab*".

10. Memberikan jawapan sama ada perkara itu “**boleh atau tidak**” atau “**halal atau haram**”. Boleh juga baginya untuk menambah dalil jika ia mahu.
11. Tidak bersegera dalam menghukum sesuatu perkara, tambahan jika perkara itu melibatkan perkara akidah yang mengkufurkan manusia.
12. Boleh bagi mufti untuk memberi fatwa yang berat atau memberi fatwa yang mudah kepada si peminta fatwa.
13. Seharusnya bagi mufti untuk tidak memberi penjelasan yang terperinci dalam permasalahan akidah.
14. Jika ditanya tentang tafsir ayat Al-quran berkaitan hukum ahkam, mufti boleh menjelaskan kepada peminta fatwa. Akan tetapi jika ditanya tentang tafsiran ayat yang tidak ada kaitan dengan hukum ahkam, mufti boleh memilih untuk menjawap atau tidak.

Bab Ketujuh

Adab, Hukum Dan Sifat Seorang Mustafti (Orang Yang Meminta Fatwa)

Selepas kita mengetahui tentang hukum, adab mufti dalam berfatwa, maka sekarang kita perlu mengetahui lagi sebuah bab yang amat penting yang kita kurang mengambil perhatian tentangnya, ia ialah berkaitan adab si peminta fatwa. Zaman sekarang ialah zaman di mana semua orang suka mengkritik, zaman orang suka mencela ulama, zaman orang awam merasakan dirinya lebih afdhal dari 1000 orang alim. Ini semua kerana kejahilan yang ada dan merasa diri lebih baik dan bijak dari ulama. Maka saya berharap bagi sesiapa yang mengetahui tentang ini untuk menjaga adab-adabnya dengan ulama atau mufti. Mereka ialah pewaris para nabi, bukan hanya orang biasa yang melepak di kedai kopi.

Peminta fatwa ialah pesakit, manakala mufti ialah doktor. Jika doktor memberi ubat yang paling pahit di dunia ini sekalipun maka pesakit wajib menuruti. Jika di dalam kesihatan hidup di dunia, kita wajib taat dengan perintah doktor, maka adab dan taat kepada ulama mesti dilebihkan, ini kerana mereka yang menerangkan kita jalan untuk ke syurga.

Di antara adab-adabnya ialah:

1. Si peminta fatwa bukanlah ulama yang mengetahui dalil, jadi baginya hanyalah mengetahui jawapan dari permasalahannya tanpa dalil.
2. Sewajarnya ia mengetahui dahulu tentang siapa orang yang ia ingin meminta fatwa. Ini kerana persoalannya berkaitan agama. Jika di negara kita, kita boleh terus langsung bertanya kepada jabatan mufti negeri.
3. Jika bertembung fatwa dari dua mufti yang berbeza, peminta fatwa boleh memilih dari mana-mana mufti yang ia mahukan.
4. Jika di dalam sebuah negeri hanya ada seorang mufti, maka fatwa dari mufti itu wajib ke atasnya untuk melakukan.
5. Seharusnya bagi peminta fatwa untuk beradab dengan mufti. Tidak boleh baginya untuk mempertikaikan fatwa dari mufti seperti ia mengatakan "mengapa anda mengatakan seperti ini?" atau "apakah dalil anda dalam permasalahan ini?"
6. Seharusnya ia memilih fatwa dari mufti yang lebih alim, lebih tua, lebih wara'.

Ini ialah seringkas-ringkasnya beberapa maklumat yang saya ambil dari kitab-kitab adab fatwa. Masih ada banyak permasalahan yang belum ditulis, ini kerana sebahagiannya tidak diperlukan lagi pada zaman ini dan apa yang ditulis ini ialah perkara yang paling penting. Sungguh saya katakan

bahawa tidak layak seorang manusia itu untuk tidak mengetahui maklumat-maklumat ini.

Bab Kelapan
Mazhab Orang Awam

Ini ialah bab yang penting untuk pembaca. Ianya berkaitan dengan mazhab orang awam. Sebahagian ulama mengatakan bahawa orang awam tidak bermazhab dan sebahagian lagi mengatakan bahawa orang awam bermazhab, maka jawapannya ialah: orang awam mengikut mazhab imamnya dalam hukum-ahkam dan fatwa. Secara jelasnya ialah, orang awam tidak wajib mengikut mazhab, walaupun begitu segala permasalahan dalam hidupnya berkaitan ibadat, muamalat dan lainnya ia mestilah mengikut pendapat muftinya. Jadi setiap mufti di Negara kita ini mempunyai mazhab, oleh itu kita katakan bahawa mereka mengikuti mazhab mufti mereka. Jika mufti itu bermazhab syafie maka orang awam juga mengikut mazhab syafie.

Pendapat ini saya nukilkan dari kitab adab fatwa karangan Imam Nawawi. Jadi jika mufti itu misalnya mengikut mazhab Imam Syafie, maka orang awam juga bermazhab Syafie. Orang awam tidak boleh sewenang-wenang untuk mengambil fatwa atau dalil yang senang untuk dirinya kerana ia bukan ahli dalam berfatwa. Bukanlah kita

memperlekehkan sesiapa, akan tetapi setiap manusia mempunyai pangkat yang masing-masing. Si ustaz tugasnya mengajar, si mekanik tugasnya memperbaiki kereta, si chef tugasnya memasak. Jadi seorang mufti yang berfatwa itu lebih memahami dalam sebuah permasalahan dan kaedah-kaedah berhukum manakala orang awam bukan ahli dalam berfatwa.

Jika ada orang awam yang belajar dalil, maka bolehkah dia memilih dalil sendiri?

Jawapan: tidak boleh, kerana hukum bukan sekadar dari dalil zahir, akan tetapi ada nasikh dan mansukhnya, mujmal dan mubayyannya, mutlaq dan muqayyadnya, dan perkara seperti ini bukan dari kemampuan orang awam.

Bab Kesembilan
Bagaimana Jika Mufti Menukar Fatwanya

Perbahasan ini ialah perbahasan yang paling penting, akan tetapi kurang manusia mengambil berat tentangnya. Oleh kerana tidak mahu mengambil berat tentang perkara ini, maka selalunya kita akan mencela para mufti yang menukar fatwanya.

Ketika seorang mufti menjatuhkan sesuatu hukum dan selepas setahun daripada itu misalnya ia menukar fatwanya, maka fatwa yang akan digunakan ialah fatwa yang baru.

Sebagai contoh:

Pada tahun pertama, mufti mengatakan bahawa rokok ialah makruh. Ketika datangnya tahun kedua mufti mengatakan pula bahawa rokok ialah haram. Jadi fatwa yang akan digunakan ialah fatwa yang kedua.

Mengapa beliau mengubah fatwanya? Adakah kerana salah?

Jawapan: kita tidak mengatakan ianya sebuah kesalahan, ini kerana ketika mufti menjatuhkan sesuatu hukum, mufti sudah berusaha menggunakan segala kemampuannya untuk menetapkan hukum. Akan tetapi andaikata ia mendapat tahu bahawa ada kaedah dan pendapat yang boleh menukar hukumnya, maka wajib ia

mengubah fatwanya itu. Ini ialah perkara yang biasa yang sering terjadi pada setiap zaman.
Dengan berdalilkan hadis Rasulullah yang direkodkan oleh Imam Bukhari dan Imam Muslim:

إِذَا اجْتَهَدَ الْحَاكِمُ فَحَكَمَ فَأَصَابَ فَلَهُ أَجْرَانِ ، وَ إِذَا حَكَمَ فَأَخْطَأَ فَلَهُ أَجْرٌ.

Maksudnya: apabila seorang hakim itu berijtihad dan berhukum, dan ijtihad itu betul maka baginya dua pahala, dan apabila ia menghukum dan tersalah maka baginya satu pahala.
Diberikan dua pahala kerana: ia telah berusaha dan hukum itu tepat.
Diberikan satu pahala walaupun tersalah: kerana ia telah berusaha untuk menetapkan sesuatu hukum itu.

Bab Kesepuluh

Adakah Semua Perkara Di Dalam Syariat Memerlukan Dalil Atau Tidak

Bab ini ialah bab yang paling ringkas, sengaja saya mengakhiri perbahasan kitab ini dengan bab ini kerana ia bersangkutan dengan zaman kita ini. Sebahagian orang mengatakan, bahawa banyak hukum-hukum di dalam kitab-kitab feqah mazhab tidak mempunyai dalil dan mereka tidak mahu menggunakan pendapat itu. Mereka mengatakan hukum-hukum itu hanya diambil dari Al-quran dan hadis-hadis Rasulullah. Maka saya katakan:

Ini ialah sifat orang cacat yang berlagak sempurna. Jalannya sudah tempang tetapi ada hati untuk mengkritik si kacak bergaya lagi sempurna pancaindera.

Di dalam perbahasan hukum, ada dua perkara penting, iaitu Usul dan Qawaid:

Usul: ia ialah perbahasan yang membahaskan zahir/ luar sesuatu hukum sama ada haram, wajib, sunat, makruh

dan jaiz. Perbahasan ini tidak masuk dalam permasalahan dalaman feqah.

Qawaid: ia ialah perbahasan di dalam permasalahan feqah dan wajib bagi kita untuk mengetahui bahawa tidak ada sesuatu hukum pun melainkan ada padanya qaedah dan tidak ada kaedah melainkan ada padanya dalil. Saya tidak mahu memperbahaskan perkara itu di dalam risalah ini kerana ini bukanlah kitab yang sesuai untuk memperbahaskannya. Akhir kata dari saya, jangan pernah kita mudah untuk menuduh pengikut mazhab dengan mengatakan mazhab tidak berdalil, ini kerana tidak ada satu masalah pun di dalam feqah melainkan iannya bersumber dari Al-quran, hadis Rasulullah, ijma' ulama dan qias yang muktabar.

Wa Allahu a'lam.

Alhamdulillah selesai menulis risalah ini pada hari ahad 7 januari 2018 masihi yang bersamaan 19 rabiul akhir 1439 hijrah di bumi Mesir kinanah bumi para anbiya'.

Semoga kitab ini dibaca dan diredhai Allah, bukanlah saya menulis kerana tingginya ilmu saya, akan tetapi

dengan niat untuk meringkaskan maklumat yang telah lama ada dan menjadikan ia mudah buat pembaca.

و صلى الله على سيدنا محمد و على آله و صحبه أجمعين.

و الحمد لله رب العالمين.

Ijazah sanad bagi kitab adab fatwa

Karangan Ibnu Solah

Saya meriwayatkan kitab Adabul Fatwa Ibnu Solah dari (1) guru saya yang dicintai iaitu **Syiekh Hisyam Al-kamil Hamid Musa Al-azhari Asy-syafie Annaqsyabandi,** beliau meriwayatkan dari (2) gurunya **Syiekh Khalid Bin Abdul Karim At-turkistani,** beliau meriwayatkan dari (3) **Syiekh Yasin Al-fadani,** beliau meriwayatkan dari (4) **Syiekh Umar Hamdan,** beliau meriwayatkan dari (5) **Syekh Falih bin Muhammad Az-zhahiri,** beliau meriwayatkan dari (6) **Syiekh Muhammad bin Ali Al-khitabi A-sanusi,** beliau meriwayatkan dari (7) **Sayyid Murtadha Az-zabidi,** beliau meriwayatkan dari (8) **Syiekh Muhammad bin Salim Al-hifni,** beliau meriwayatkan dari (9) **Syiekh Abdul Aziz Az-zabadi,** beliau meriwayatkan dari (10) **Syiekh Muhammad bin A'la' Al-babli,** beliau meriwayatkan dari (11) **Syiekh Salim bin Muhammad As-sanhuri,** beliau meriwayatkan dari (12) **An-najm Muhammad bin Ahmad Al-ghithi,** beliau meriwayatkan dari (13) **Syiekh Zakariya Al-ansori,** beliau meriwayatkan dari (14) **Al-hafiz Ahmad bin Ali bin Hajar Al-asqalani,** beliau meriwayatkan dari (15) **Syiekh Abu Hasan Ali bin Muhammad bin Abu Majd Ad-dimasyqiy,** beliau meriwayatkan dari (16) **Syiekh**

Nasiruddin Muhammad bin Yusuf Al-muhtar, beliau meriwayatkan dari (17) pengarang kitab Adabul Fatwa iaitu **Al-hafiz Umar bin Uthman bin Abdurrahman Ibnu Solah Asy-syahrozuri Asy-syafie Rahimahullah** yang lahir pada tahun 577 hijrah dan wafat pada tahun 643 hijrah.

Maka dengan ini saya mengijazahkan kitab saya ini dan kitab Adab Fatwa karangan Ibnu Solah berserta sanadnya yang bersambung kepada saudara/i:

…………………………………………………………………

Untuk membaca dan meriwayatkannya. Saya juga berpesan kepadanya supaya bertaqwa kepada Allah dan berpesan kepadanya supaya tidak melupakan saya dan guru-guru saya di dalam doanya.

Yang mengijazahkan:

Mohammad Naim Saidi Asy-syafie

Pelajar Ilmu Asy-syarif

Isi kandungan

Risalah ini boleh disebarkan umum dengan keizinan dari saya iaitu penulis risalah ini. Saya doakan agar risalah ini menjadi bermanfaat buat pembaca semua, amin. In sya Allah di ke depan hari saya akan memasukkan risalah ini di dalam mana-mana kitab saya yang akan diterbitkan.